

6 NOVEMBER 2017

Program Semarak 2.0 anjuran Kulim Berhad meriah

JOHOR BAHRU 5 Nov. - Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) menerusi Jabatan Lestari dan Kualiti Kulim menganjurkan program Semarak Kasih 2.0 di Pusat Latihan Kulim, Kota Tinggi baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah berkata, program bertemakan 'Masyarakat Penyayang Lahir Bersama Tanggungjawab' itu merupakan kesinambungan daripada program Semarak Kasih 1.0 yang diadakan di Ladang Sindora, Kluang pada tahun 2013.

Beliau berkata, program tersebut



adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (SCR) syarikat yang bercorak pendidikan melibatkan anak-anak istimewa dan golongan kurang upaya (OKU).

"Ini merupakan salah satu daripada inisiatif Kulim dalam memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada lebih 100 peserta terdiri daripada keluarga dan anak-anak

istimewa yang berada dalam Unit Operasi Kulim.

"Di samping itu, program ini juga dapat memberi galakan kepada keluarga anak-anak istimewa yang terlibat untuk lebih bersikap positif dan berdikari dalam mengurus dan berusaha menjalankan proses pemulihan golongan tersebut," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar, Jabatan Lestari dan Kualiti Kulim, Salasah Elias berkata, pelbagai aktiviti diadakan dalam program sehari dengan kerjasama Institut Pen-

didikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI), Johor Bahru dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Daerah Johor Bahru itu.

"Antara aktiviti yang dijalankan adalah terapi bagi OKU yang disampaikan oleh penuntut IPGKTI, ceramah dan bengkel memasak bersama anak-anak istimewa.

"Turut diadakan Forum Inspirasi Semarak Kasih 2.0 yang membincangkan mengenai cabaran dan peranan ibu bapa serta keluarga dalam membesarkan anak-anak istimewa," katanya.



ZULKIFLY ZAKARIAH (tiga dari kanan) bersama petugas dan peserta program Semarak Kasih 2.0 yang dihadiri lebih 100 anak-anak istimewa di Pusat Latihan Kulim, Kota Tinggi, Johor, baru-baru ini.